

Tubuh pasukan khas periksa keselamatan kebakaran

KUALA LUMPUR - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur menubuhkan pasukan khas atau (*task force*) Ops Sri PA bagi melaksanakan pemeriksaan keselamatan kebakaran ke atas 122 blok perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pengarah JBPM Kuala Lumpur, Muhammad Salleh Abdul berkata, pasukan khas itu dibahagikan kepada empat zon melibatkan 24 kawasan perumahan awam berusia lebih 30 tahun yang telah dikenal pasti.

"Selain Perumahan Awam Sri Sabah, kita turut mengenal pasti Perumahan Awam Setapak Jaya 1, Perumahan Awam Kerinchi 1A serta Perumahan Awam Hang Tuah dan beberapa lagi perumahan awam lain," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan pelaksanaan pasukan khas

Ops Sri PA di sini pada Khamis.

Muhammad Salleh berkata, kekuatan keanggotaan untuk pasukan khas itu melibatkan 70 pegawai bomba dengan kerjasama pihak penyelenggara DBKL.

"Sebarang kelemahan yang ditemui akan dimaklumkan serta tindakan segera akan diambil oleh pihak bertanggungjawab," katanya.

Beliau berkata, objektif utama penubuhan pasukan khas itu adalah untuk memastikan perumahan awam memenuhi keperluan minimum keselamatan kebakaran.

"Kita juga mahu memastikan sistem pemasangan keselamatan kebakaran sedia ada berfungsi dengan baik.

"Penambahbaikan dalam aspek keselamatan kebakaran berdasarkan peruntukan undang-undang," katanya.



Muhammad Salleh (kiri) melihat gambar perumahan awam yang terlibat dalam pemeriksaan keselamatan kebakaran pada majlis pelancaran pasukan khas Ops Sri PA di Kuala Lumpur pada Khamis.